

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 30 TAHUN 1974

**MENGAMBIL BAHAGIAN CERGAS DALAM POLITIK
OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN**

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memberikan penjelasan yang lanjut mengenai Peraturan-peraturan berkenaan dengan penglibatan pegawai-pegawai Kerajaan dalam politik seperti yang ditetapkan dalam Perintah Am 20 Bab D 1969 dan dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1971, bertarikh 15hb Oktober, 1971.

2. Semenjak Pekeliling Perkhidmatan tersebut dikeluarkan terdapat beberapa kekeliruan tafsiran mengenai jenis-jenis pegawai Kerajaan yang boleh mengambil bahagian yang cergas dalam politik. Adalah ditegaskan di sini bahawa semua pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas, anggota-anggota Perkhidmatan Polis dan anggota-anggota Perkhidmatan Penjara adalah samasekali ditegah daripada mengambil bahagian yang cergas dalam politik seperti menjadi Ahli Jawatankuasa parti politik baik di peringkat kebangsaan, negeri atau daerah. Dengan tegahan itu maka soal mereka membuat permohonan untuk mengambil bahagian yang cergas dalam politik tidaklah timbul. Peraturan ini adalah juga meliputi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran yang setaraf dengan Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas dalam perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun pegawai-pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas yang sedang bercuti sebelum bersara boleh mengambil bahagian yang cergas dalam politik dengan syarat kebenaran Kerajaan diperolehi terlebih dahulu.

3. Bagi pegawai-pegawai Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas, Kumpulan Perkeranian dan Teknik dan Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar, mereka boleh dibenarkan mengambil bahagian dalam politik dengan syarat mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Untuk kebenaran itu mereka hendaklah membuat permohonan dengan mengemukakan dua salinan borang

seperti di Lampiran "A" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1971 itu, kepada Pihak-pihak Berkuasa yang meluluskan permohonan itu seperti berikut:

<i>Permohonan</i>	<i>Pihak Berkuasa Meluluskan</i>
(a) Pegawai-pegawai di dalam Perkhidmatan Gunasama mengikut Peraturan 3 (viii) dan Perenggan "A" Lampiran "A", Perintah Am Bab "A" 1973	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
(b) Pegawai-pegawai selain dari 3 (a) di atas	Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan.

4. Pihak-pihak Berkuasa yang berkenaan hendaklah menggunakan budibicara masing-masing dalam menimbangkan satu-satu permohonan itu dengan mengambil perhatian akan akibat yang mungkin berlaku terhadap kedudukan awamnya serta perjalanan tugas-tugas resmi pegawai itu. Pihak Berkuasa tersebut adalah juga dikehendaki menghantarkan satu salinan daripada borang-borang permohonan yang telah dipertimbangkan itu, samada yang telah diluluskan atau tidak kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, untuk perhatian Cawangan Naik Pangkat dan Tatatertib.

5. Dengan Pekeliling ini, maka semua pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas termasuklah pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang setaraf, anggota-anggota Perkhidmatan Polis dan anggota-anggota Perkhidmatan Penjara, yang sedang memegang jawatan-jawatan dalam parti-parti politik, hendaklah meletakkan jawatan-jawatan politik itu dengan serta-merta, jika tidak tindakan tatatertib akan diambil terhadap mereka. Bagi mereka dari Kumpulan-kumpulan yang lain jika penyertaan cergas mereka dalam parti-parti politik yang berkenaan itu adalah tanpa kebenaran Kerajaan mereka juga dikehendaki meletakkan jawatan politik itu.

6. Ketua-ketua Jabatan hendaklah sentiasa memastikan bahawa peraturan ini dipatuhi. Sekiranya buat masa ini terdapat pegawai-pegawai yang tidak mengikut peraturan ini, Ketua-ketua Jabatan hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai selaras dengan kehendak perenggan 5 di atas.

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR.

3hb Oktober, 1974.